



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

KESUNGGUHAN BERIBADAH SELEPAS RAMADAN

Tarikh Dibaca :

**3 SYAWAL 1440H/
7 JUN 2019M**

Disediakan oleh :

**Cawangan Khutbah Dan Latihan
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**



KESUNGGUHAN BERIBADAH SELEPAS RAMADAN

7 Jun 2019M / 3 Syawal 2019M

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوْبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضْلِلْ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.
أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَاهُ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِذَا مَأْمَنُوا أَتَقْوَى اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٧٠﴾ يُصْلِحَ لَكُمْ أَعْمَلَكُمْ وَيَغْفِرُ لَكُمْ
ذُنُوبَكُمْ وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ، فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧١﴾

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan berusaha memperbanyakkan amalan-amalan kebaikan dan menjauhkan diri daripada perkara yang dilarangNya. Mudah-mudahan kita menjadi golongan yang mendapat kemuliaan di sisi Allah SWT serta selamat di dunia dan di akhirat.

Pada hari yang mulia ini marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang bertajuk: **Kesungguhan Beribadah Selepas Ramadan.**



Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Seiring dengan berlalunya bulan Ramadan yang penuh dengan kemuliaan, maka bermulalah persoalan sejauh mana momentum kebaikan, kebajikan dan amal ibadah yang pernah dilakukan dalam bulan Ramadan dapat diteruskan? Adakah ia akan berakhir begitu sahaja setelah bergemanya takbir hari raya? Atau apakah Ramadan berhasil meningkatkan ketakwaan dan keimanan kita? Semua persoalan ini penting untuk dijadikan sebagai renungan kepada diri kita.

Kehadiran bulan syawal bukan sekadar bulan kemenangan, kegembiraan dan kemeriahinan tetapi ia bulan kesinambungan ibadah dan amalan kebaikan yang pernah dilakukan sebelum ini. Jika amalan dan tingkah laku yang dipamerkan adalah selari sebagaimana dalam bulan Ramadan bermakna kita telah berjaya dengan tarbiyahnya. Tetapi jika apa yang berlaku adalah sebaliknya bermakna kita termasuk dalam kalangan orang-orang yang rugi. Ingatlah bahawa momentum kebaikan yang telah dilatih selama sebulan ini perlu diteruskan sebagaimana firman Allah di dalam surah Muhammad ayat 33:

يَأَيُّهَا أَلْذِينَ إِيمَانُكُمْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَآتِيَعُوا الرَّسُولَ وَلَا تُنْهِيُّوْا عَمَلَكُمْ
23

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kepada Rasulullah, dan janganlah kamu batalkan amal-amal kamu!

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Oleh itu, demi memastikan tarbiah Ramadan kekal sepanjang masa, maka kita perlu meletakkan kefahaman yang jelas bahawa segala amalan kebaikan yang dilakukan pada bulan Ramadan adalah kerana tanggungjawab kita



sebagai hamba Allah SWT dan bukannya kerana bulan-bulan atau perayaan tertentu. Dengan itu, segala rutin yang telah dilalui sepanjang Ramadan akan terus berkesinambungan pada bulan-bulan seterusnya. Di samping mengukuhkan diri dengan kefahaman tersebut, kita juga boleh meneruskan kesinambungan ibadah dengan beberapa amalan kebaikan seperti:

Pertama: Melakukan puasa sunat enam hari di bulan syawal

Ganjaran yang diperolehi bagi sesiapa yang mengamalkan puasa enam hari dalam bulan syawal adalah sangat besar. Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Ayyub Al-Ansari RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتَبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ

Maksudnya: Sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadan, kemudian dia melanjutkan dengan puasa enam hari di bulan syawal, nilainya sama dengan dia berpuasa selama setahun.

Walaupun ia adalah amalan sunat, namun kita tidak wajar mengambil ringan perbuatan tersebut. Kerana berdasarkan hadis ini, seseorang yang berpuasa di bulan Ramadan kemudian berpuasa enam hari di bulan syawal bererti nilainya sama dengan dia berpuasa selama setahun. Oleh itu, sangat rugi kalau kita mensia-siakan atau terlepas mengamalkan puasa enam hari di bulan syawal.

Kedua: Meneruskan Bacaan Al-Quran dan Menghadiri majlis-majlis ilmu

Berusahalah untuk terus melazimi tadarus Al-Quran dan menghadirkan diri ke majlis-majlis ilmu seperti kuliah agama, ceramah dan lain-lain. Ini kerana program-program tersebut dapat memberi motivasi dan menyegarkan fikiran



serta memberikan semangat kepada kita untuk melakukan kebaikan dan kebajikan. Berkata Imam Ibnu Qayyim dalam bukunya Ighathatul-Lahfan:

Duduk dalam majlis-majlis orang yang soleh akan merubah kamu daripada enam perkara kepada enam perkara. Daripada keraguan menjadi yakin. Daripada sikap riya' menjadi ikhlas. Daripada lalai menjadi orang yang sentiasa berzikir. Daripada orang yang cinta kepada dunia menjadi orang yang cinta kepada akhirat. Daripada orang yang takabur menjadi orang yang tawaduk. Daripada orang yang sentiasa berniat buruk menjadi orang yang memberi nasihat.

Ketiga: Memohon pertolongan daripada Allah SWT

Sesungguhnya kehidupan kita sebagai manusia tidak dapat dipisahkan daripada pertolongan Allah SWT. Doa adalah senjata bagi umat Islam setelah berusaha bersungguh-sungguh. Di saat kita tidak mampu untuk melakukan sesuatu setelah habis berusaha, maka mohonlah kepada Allah SWT supaya diberikan hidayah dan taufik-Nya secara berterusan. Dengan usaha dan kekuatan doa tersebut kita pasti dapat meneruskan amalan kebaikan dan kebajikan yang telah dilakukan. Antara doa-doa yang boleh diamalkan seperti di dalam surah Ali Imran ayat 8:



رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَابُ

Maksudnya: (Mereka berdoa dengan berkata): "Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisiMu; sesungguhnya Engkau jualah Tuhan Yang melimpah-limpah pemberianNya.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,



Jika kita boleh meraih dan memelihara pahala di bulan Ramadan, maka begitulah juga sepatutnya yang kita lakukan di bulan-bulan seterusnya. Berusahalah untuk mempertahankan nilai takwa yang telah dipupuk sepanjang Ramadan. Jangan dibiarkan kebaikan yang telah dilakukan terbiar begitu sahaja tetapi perlu ditambah agar nilai pahalanya tetap berterusan. Semoga Allah SWT menerima segala amalan dan kebaikan yang telah kita lakukan dalam bulan Ramadan yang lalu. Semoga Aidilfitri kali ini dapat mencipta dan mengekalkan momentum amal ibadah yang telah kita lalui.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar ingin mengajak sidang jemaah sekalian untuk menghayati beberapa perkara berikut sebagai panduan dan pedoman bersama:

Pertama: Bulan syawal menguji sejauh mana keberkesanan latihan Ramadan yang dilalui seorang muslim.

Kedua: Ukuran sejauh mana matlamat Ramadan berjaya dicapai adalah melalui cerminan amalan dan tingkah laku yang dipamerkan pada bulan syawal dan seterusnya.

Ketiga: Rebutlah peluang untuk mengekalkan momentum Ramadan dengan melakukan amalan seperti puasa sunat enam hari di bulan syawal, membaca Al-Quran, menghadiri majlis-majlis ilmu dan istiqamah beramal ibadah kepada Allah SWT khususnya solat subuh secara berjemaah.

Firman Allah SWT di dalam surah An Nahl ayat 91:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ



وَأَوْفُوا بِعَهْدِ اللَّهِ إِذَا عَاهَدْتُمْ وَلَا تُنْقُضُوا الْأَيْمَنَ بَعْدَ تَوْكِيدِهَا وَقَدْ جَعَلْتُمُ اللَّهَ عَلَيْكُمْ كَفِيلًا إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا تَفْعَلُونَ ﴿٩١﴾

Maksudnya: Dan sempurnakanlah pesanan-pesanan dan perintah-perintah Allah apabila kamu berjanji; dan janganlah kamu merombak (mencabuli) sumpah kamu sesudah kamu menguatkannya (dengan nama Allah), sedang kamu telah menjadikan Allah sebagai Penjamin kebaikan kamu; sesungguhnya Allah sedia mengetahui akan apa yang kamu lakukan.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ。 أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ。

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَلِي الصَّالِحِينَ وَنَاصِرِ الْمَظْلُومِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى النَّبِيِّ الْأَمِينِ، صَفْوَةِ الْمُرْسَلِينَ وَأَمَامِ الْمُتَقِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ، وَعَلَى التَّابِعِينَ وَمَنْ تَعَهَّمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ。

أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، الصَّادِقُ الْوَعْدُ الْأَمِينُ。



أَمَا بَعْدُ، فِيَّا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقْوَاهُ، وَحَافِظُوا عَلَى صَلَاتِ الْجَمَاعَةِ، وَكُونُوا إِخْرَاجًا مُتَحَايِّنًا فِي اللَّهِ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ، وَبِئْنَى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسِيحَةِ بِقُدُّسِهِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي مُحْكَمٍ تَنْزِيلِهِ:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأَمِّنُهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوَاتُهُ وَسَلَامُهُ تَسْلِيمًا

٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُحِيمِدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ : أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنْ سَائِرِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعْهُمْ بِنِنَكَ وَكَرْمَكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَعِدْ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلَكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يِعْ مَهَا مُولِياً سري قدوك بکیندا يیغ دفتروان اکوغ، سلطان عبد الله رعایة الدين المصطفی بالي الله شاه ابن المرحوم سلطان حاج احمد شاه المستعين بالله.

وَكَذِلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يِعْ مَهَا مُولِياً سري قدوك بکیندا راج فرمایسوري اکوغ، تونکو(Tunku) حاجه عزیزة أمينة میمونة إسكندریة بنت المرحوم المتوفى على الله سلطان إسكندر الحاج.



اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَّرَاءَهُ وَقُضَاهُ وَعَمَالَهُ وَرَاعِيَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنَينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ ۝

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنًا مُطْمِئِنًا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ ۝

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ وَحِينٍ، وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ ۝

اللَّهُمَّ أَلْفُ بَيْنَ قُلُوبِنَا، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنَنَا، وَاهْدِنَا سُبُّلَ السَّلَامِ، وَنَجِنَّا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ، وَجَنِبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، وَبَارِكْ لَنَا فِي أَسْمَاعِنَا، وَأَبْصَارِنَا، وَقُلُوبِنَا، وَأَرْوَاحِنَا، وَذُرِّيَّاتِنَا، وَتُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَابُ الرَّحِيمُ، وَاجْعَلْنَا شَاكِرِينَ لِنَعْمَكَ، مُشْتِينَ بِهَا عَلَيْكَ، قَابِلِينَ لَهَا وَأَتْمَاهَا عَلَيْنَا، رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ۝

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ۝ ٩٠

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ۝